

Majlis Pemakaian Pangkat Anggota Markas Pemerintahan Bantuan Udara (MPBU)

 airforce.mil.my/arkib/arkib/28-bakat/bakat-pangkalan/482-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-markas-pemerintahan-bantuan-udara-mpbu

KUALA LUMPUR, 18 Jan 16 – Satu majlis pemakaian pangkat kepada anggota lain-lain pangkat yang berkhidmat di MPBU telah disempurnakan oleh Panglima Bantuan Udara,Lt Jen Dato' Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM.

Majlis yang berlangsung di Dewan Banquet Mes Wira Angkasa telah menyaksikan seramai 17 anggota telah dinaikkan pangkat. Turut hadir pada upacara tersebut ialah keluarga anggota-angota yang dinaikkan pangkat.

Panglima Bantuan Udara dalam ucapannya telah memberi nasihat dan perangsang agar semua anggota yang telah dinaikkan pangkat terus meningkatkan prestasi kerja selaras dengan pangkat yang telah diperolehi. Panglima turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli keluarga anggota yang hadir.

